

“Jika ada kawasan berisiko, mungkin kita akan membuat kajian pula dari segi keperluan untuk penambahan peralatan dan keanggotaan di pulau itu sebagai langkah berjaga-jaga,” katanya

Beliau berkata, bulan lalu, jabatan itu sudah mengadakan perjumpaan dengan pengusaha feri di pulau berkenaan bagi membincangkan tindakan yang perlu mereka ambil.

“Susulan itu, minggu lalu, satu latihan bersama pengusaha feri dilakukan bagi menerapkan aspek keselamatan kebakaran dan tindakan yang perlu diambil pekerja jika berlaku kebakaran,” katanya sambil memaklumkan seramai 31 anggota bomba ditugaskan di Pulau Pangkor.

Dalam pada itu, beliau berkata, jabatannya akan turut mengadakan perbincangan dengan pelbagai agensi lain, termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), untuk memudahkan operasi menyelamatkan pada masa depan.